



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KARTEL DAGING: KENAKAN HUKUMAN BERAT, NASIONAL, HAKAKAH -H7 SEMAK SEMULA LESEN AP PENGIMPORT, NASIONAL, HAKAKAH -H21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	JUALAN KUNYIT HITAM LEBIH LUMAYAN DARIPADA UDANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6. 7.	KAJIAN BANTU SELESAI MASALAH SUMBER AIR DI KELANTAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -18 RM800,000 SELAMATKAN KUBUR, NASIONAL, SINAR HARIAN -15 KAWAL KEMASUKAN AIR MASIN, NEGERI JOHOR/KELANTAN, SINAR HARIAN -27 STUDY TO CONTROL SALTWATER ENTERING TIDAL CONTROL GATE, ONLINE, BORNEO POST KK	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
8.	FROM POND TO MARKET, THE STAR -11	AGROBANK
9. 10.	12,000 PESAWAH TANGGUNG KERUGIAN, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SINAR HARIAN -23 REZEKI MELIMPAH TANAM NANAS, NEGARA, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Kartel daging: Kenakan hukuman berat

Oleh EVA NATASHA SADALI

KUALA LUMPUR: Sesiaapa yang terlibat dalam kes memalsukan dokumen makanan bagi produk negara ini harus dikenakan hukuman berat.

Ketua Dewan Muslimat PAS Pusat, Senator Ustazah Nuridah Mohd Salleh ketika dihubungi *Harakah* pada 3 Disember berkata, mereka yang bertanggungjawab di atas perkara ini perlu diadaptkan ke muka pengadilan supaya mendapat pengajaran setimpal.

"Individu mahupun kumpulan yang bersubahat

dengan kegiatan itu mesti di bawa ke muka pengadilan kerana telah mempersendakan hukum makanan tersebut di sisi Islam.

"Pihak berwajib pula jangan 'pilih bulu', semua pihak terbabit dengan kegiatan itu perlu diadili dengan adil, tidak kira 'ikan bilis' atau 'ikan jerung', penghakiman harus sama rata," tegas beliau.

Dalam pada itu katanya, isu berkaitan makanan halal dan baik atau halal dan toyyiban banyak disentuh di dalam al-Quran yang seharusnya menjadi panduan dan rujukan umat Islam.



Senator Ustazah Nuridah Mohd Salleh

"Taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku tersebut sangat memalukan umat Islam apa-



Daging haram yang dibawa masuk dengan sindiket terancang.

tah lagi jika individu yang melakukannya adalah warganegara Malaysia beragama Islam sendiri.

"Isu makanan tidak boleh lagi dilihat sebagai isu individu namun mesti dilihat sebagai tuntutan bagi memenuhi keperluan umat Islam yang merupakan majoriti penduduk negara ini," ujarnya.

Baru-baru ini, terungkap taktik licik kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging itu dengan logo halal kemudian menjualnya ke pasaran tempatan.

Hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin

dan Pemerksaan Malaysia (Maqis), kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku dan menjadikan sebuah gudang di Senai, Johor Bahru sebagai lokasi membuat label dan cap palsu yang ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

7/12/2020

HARAKAH

NASIONAL

H21

Semak semula lesen AP pengimport

**Oleh EVA NATASHA
SADALI**

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu menyemak semula lesen Permit Kelulusan (AP) yang diberikan kepada pengimport daging bagi membongkar dalang di belakang perlepasan daging import. Timbalan Lajnah Pekerja dan Kepenggunaan PAS Pusat, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, selain itu Jabatan Perkhidmatan

Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) perlu segera memberi laporan penuh berhubung isu ini. Isu ini katanya membangkitkan keraguan rakyat mengenai bagaimana penyeludupan daging sejuk beku import yang diragui status halal-nya boleh terlepas ke pasaran Malaysia dengan jumlah yang sangat besar. Minggu ini, Malaysia digemparkan dengan penyeludupan daging sejuk

beku yang diragui status halalnya.

la hasil risikan Maqis mendapati kartel berkenaan dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku telah menjadikan gudang di Ulu Tiram, Johor sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang dipam- pal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

Tindakan itu dibuat bagi meyakinkan pemborong di

Malaysia kononnya bekalan daging tersebut diperoleh dari negara yang dibenarkan pengimportannya sebelum diedar ke pasaran tempatan. Modus operandi sindiket terbabit adalah dengan mendapatkan stok daging sejuk beku dari luar negara sebelum dikatakan diseludup melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Sehubungan itu, PAS menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil tin-

dakan tegas berhubung kes penyeludupan itu.

“Kerajaan perlu beralih ke negara lain sebagai pengimport daging sejuk beku yang mempunyai produk daging temusu yang lebih besar dan tidak diragui status halal-nya.

“Antara contoh negara-negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ialah Pakistan, Bangladesh dan Turki yang merupakan pengeluar produk daging temusu yang besar,” saran Ahmad Tarmizi ketika dihubungi *Harakah* pada Khamis.



Ahmad Tarmizi Sulaiman

7/12/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

32

Jualan kunyit hitam lebih lumayan daripada udang

MARAN: Sepasang suami isteri dari Felda Seroja Jengka 18 di sini memilih menjual benih pokok kunyit hitam sebagai sumber pendapatan sejak setahun lalu.

Pengusahanya, Abu Samah Abdul Hamid, 58, berkata, dia dan isteri, Saodah Hashim, 55, menanam benih kunyit hitam di sekeliling rumah dan apabila be-

sar ia dijual di pasar malam serta pekan sehari sekitar Jengka dan Temerloh.

Dia tidak menyangka benih kunyit hitam berharga antara RM20 hingga RM40 sepokok mendapat sambutan orang ramai yang mengetahui khasiatnya.

"Kunyit hitam kaya dengan sebatian aktif *bioflavonoids* ber-

wama hitam ungu dan mempunyai 10 kelebihan kepada kesihatan. Tanaman ini telah lama menjadi pilihan orang tua sebagai bahan perubatan tradisional.

"Sebagai contoh, pengguna boleh membuat sendiri teh kunyit hitam dengan menghirisnya dan direndam dalam air panas dan diminum un-

tuk kesihatan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Felda Seroja Jengka 18 di sini semalam.

Abu Samah berkata, jualan tanamannya cepat berkembang berbanding termanak udang hitam dalam kanvas yang diusahakan sebelum ini.

"Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia

(MARDI) mengukui kelebihan tanaman itu, begitu juga agensi lain dalam dan luar negara termasuk Korea.

"Produk kunyit sebagai penambah tenaga, melegakan penyakit ulu hati, meningkatkan kualiti hubungan intim, menstabilkan bacaan darah tinggi dan mengawal kadar gula dalam darah," katanya.

Kajian bantu selesai masalah sumber air di Kelantan



Tuan Ibrahim (tengah) bersama Che Abdullah (kanan) melawat pintu air pasang surut di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin Semarak, Gong Kulim, Pasir Puteh, semalam.

(Foto BERNAMA)

Pasir Puteh: Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) akan membuat kajian bagi mengawal air masin yang memasuki pintu kawalan air pasang surut (TCG).

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata kajian itu bagi menyelesaikan masalah sumber air di Kelantan mandangkan TCG di bawah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semarak, antara kawasan yang mempunyai takungan air sangat besar.

"Namun ia menjadi masalah apabila air masin atau air laut masuk ke dalam TCG yang menyebabkan sumber air itu menjadi payau.

"Justeru, satu kajian akan dibuat pihak Kementerian untuk meneliti sejauh mana kita dapat mengawal air masin yang masuk. Kalau sesuai dan berfungsi dengan baik, mungkin kita boleh

jadikannya satu projek TAPS (Takungan Air Pinggiran Sungai)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja di kawasan IADA Kemasin Semarak, Gong Kulim di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi serta Pengarah IADA Kemasin Semarak, Nik Hamadi Nik Abdullah.

Tuan Ibrahim berkata, TAPS adalah kaedah baharu yang diperkenalkan KASA dengan mengantikan air takungan sebelum disalurkan semula ke laut dan dimanfaatkan sebagai sumber bekalan air.

Dalam perkembangan lain, Tuan Ibrahim berkata, pihaknya meriukan satu lagi pintu TCG di Pasir Puteh bagi mengurangkan risiko banjir.

RM800,000 selamatkan kubur

Benteng penahan ombak sejauh 200 meter atasi hakisan pantai di Kampung Pengkalan Maras

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA NERUS

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) meluluskan peruntukan segera sebanyak RM800,000 bagi menangani masalah hakisan pantai yang semakin meruncing di daerah ini.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, peruntukan itu bertujuan untuk pembinaan benteng penahan ombak sejauh 200 meter di kawasan Perkuburan Islam Kampung Pengkalan Maras di sini.

"Kedudukan kawasan tanah perkuburan di kampung ini hampir dengan pantai. Ia menyebabkan kawasan ini berisiko mengalami masalah hakisan yang dilihat semakin kritikal.

"Sehubungan ini, KASA meluluskan peruntukan untuk menyelamatkan tanah perkuburan termasuk beberapa kediaman," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan lawatan kerja di kawasan hakisan di Kampung Pengkalan Maras, Batu Rakit di sini semalam yang turut dihadiri Ahli Parlimen Setiu, Shaharizukurnain Abdul Kadir.

Tuan Ibrahim berkata, kerja-kerja pembinaan benteng penahan ombak akan dimulakan minggu depan.

"Tender untuk kerja-kerja pembinaan benteng telah dibuka dan esok (hari ini) merupakan tarikh tutup tender.

"Projek ini akan bermula minggu depan dan dijangka siap



Tuan Ibrahim (dua dari kiri) meninjau keadaan hakisan pantai di Kampung Pengkalan Maras, Kuala Nerus semalam.

dalam tempoh enam minggu," kata beliau lagi.

Dalam perkembangan sama, katanya, sebelum ini kerajaan pusat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM90 juta bagi projek hakisan di kawasan pantai di daerah terbabit.

"Peruntukan disalurkan menerusi Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS) Malaysia itu melibatkan kawasan Tok Jembal, Pantai Mengabang Telipot dan Pengkalan Maras.

"Kerajaan sedang membuat kajian secara menyeluruh mengenai masalah hakisan pantai di beberapa kawasan seluruh Terengganu bagi membolehkan penyelesaian secara holistik di-

ambil," katanya.

Menurutnya, kajian itu akan mengambil sedikit masa bagi membolehkan projek-projek yang dijalankan seperti pembinaan benteng pemecah dan penahan ombak tidak memberi impak kepada kawasan lain terutama kawasan yang berdekatan.

Kawal kemasukan air masin

Antara usaha kerajaan bantu selesaikan isu sumber air di Kelantan

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Kementerian Air dan Alam Sekitar (KASA) sedia melaksanakan satu kajian bagi mengawal kemasukan air masin di pintu kawalan air pasang surut (TCG) bawah kendalian Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) Kemasin Semarak, di sini.

Menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, langkah itu antara usaha kerajaan dalam menyelesaikan isu sumber air di Kelantan



Tuan Ibrahim (depan, dua dari kanan) bersama Che Abdullah (depan, dua dari kiri) dan Dr Nik Muhammad Zawawi (kiri) mengadakan lawatan kerja di TCG IADA Kemasin Semarak, Gong Kulim, Pasir Puteh semalam.

pada masa depan. "TCG ini mempunyai kawasan takungan air yang sangat besar cuma sedikit masalah apabila berlaku air pasang apabila air laut (masin) akan masuk ke dalam TCG. Apabila sumber asal bercampur de-

ngan air laut, ia akan menjadi payau," katanya selepas mengadakan lawatan kerja di TCG IADA Kemasin Semarak, Gong Kulim di sini, semalam. Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makānan II, Datuk Che Ab-

dullah Mat Nawi; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh dan Pengarah IADA Kemasin Semarak, Nik Hamadi Nik Abdullah.

Menurutnya, sekiranya per-

kara itu berjaya direalisasikan dan berfungsi dengan baik, ia mungkin boleh dijadikan sebagai salah satu antara projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS).

Katanya, TAPS merupakan inovasi baharu diperkenalkan dengan cara menghentikan air takungan sebelum disalurkan semula ke laut.

"Langkah ini mampu dimanfaatkan sebagai sumber bekalan air," katanya.

Sementara itu dalam persembangan lain, Ahli Parlimen Kubang Kerian berkenaan berkata, sebuah lagi pintu TCG akan dibina di kawasan Bukit Gedombak.

Katanya, pembinaan kira-kira RM1.8 juta itu mampu mengurangkan risiko banjir di Pasir Puteh dan peruntukannya dijangka diteliti di peringkat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dalam masa terde-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2020	BORNEO POST KK	ONLINE	

STUDY TO CONTROL SALTWATER ENTERING TIDAL CONTROL GATE

PASIR PUTEH: The Environment and Water Ministry will conduct a study to control saltwater entering the tidal control gate (TCG) which is under the Kemasin Semerak Integrated Agriculture Development Area (IADA). Environment and Water Minister Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man said the study was conducted in the government's efforts to resolve the water resources issue in Kelantan as the TCG under Kemasin Semerak IADA was among the areas with very large water reservoirs. "There are few problems when salt water or seawater (during high tide) enters (into the TCG), the water source becomes brackish. Possibly a study will be done by the ministry to examine how far we can control the salt water that enters and if appropriate and it works well maybe we can make it one of the TAPS (Riverside Reservoir) projects," he said. He told this to reporters after a working visit to Kemasin Semerak IADA, Gong Kulim here, yesterday which was also attended by Deputy Minister of Agriculture and Food Industry II Datuk Che Abdullah Mat Nawi and Kemasin Semerak IADA director Nik Hamadi Nik Abdullah. Commenting further, Tuan Ibrahim said TAPS was a new method introduced by the Environment and Water Ministry to stop the reservoirs of water being channelled back into the sea and to utilise it as a source of water supply. Meanwhile, Tuan Ibrahim also said that about RM1.8 million was allocated to build another TCG gate in Pasir Puteh to reduce the risk of floods in the district. He said the TCG would be built in the Bukit Gedombak area, near here, and the allocation was expected to be scrutinised at the 12th Malaysia Plan in the near future. "Alhamdulillah, this year the floods in Pasir Puteh were not severely affected as in previous years there were only one or two areas with little water retained... an issue that occurred when there was no water gate (TCG) in the Bukit Gedombak area which caused water to enter (during high tide) to some areas," he said. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2020	THE STAR		11



FROM POND

TO MARKET



SERVING END-TO-END SOLUTIONS TO MALAYSIA'S AGRICULTURE ECO-SYSTEM

If you think only farmers and fishermen bank with Agribank, think again. Agri and agri-food businesses span a full supply chain inclusive of research, logistics, manufacturing and drive a host of other support services both directly and indirectly. At Agribank we support them all and have done so since 1969.

We offer a growing portfolio of financial products, services and support that extends to the expanded agriculture sector to fortify the backbone of Malaysia's economic strength and stability, and champion Malaysia's national food security.

We champion food security for the nation.

For financial support of your agri business, talk to us today!
 1 300 88 2476 (LOCAL) +6 03 2079 0600 (INTL)

- Savings & Deposits
- Personal Financing
- Business Financing
- Trade Finance
- Electronic & Agent Banking
- Other Financial services

Scan this QR code to see a full list of our products & services.

7/12/2020

SINAR HARIAN

NEGERI PAHANG/

SELANGOR/KL

23

12,000 pesawah tanggung kerugian

Berikutan kadar pemotongan pemutuan padi terlalu tinggi hingga 25 peratus

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SEKINCHAN

Kira-kira 12,000 pesawah sekitar Sekinchan hingga ke Panchang Bedena di sini terpaksa menanggung kerugian besar berikutan kadar pemotongan pemutuan padi terlalu tinggi sehingga 25 peratus.

Seorang pesawah, Muhammad Bahhar Semiran, 41, berkata, kenaikan pemotongan pemutuan sehingga lima peratus pada musim menuai kali ini menjejaskan pendapatan pesawah.

Menurutnya, pengilang membuat pemotongan pemutuan padi sebanyak 20 peratus sahaja pada musim lalu.

“Pemotongan pemutuan terlalu tinggi merugikan pesawah,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Muhammad Bahtiar berkata, pesawah juga terpaksa menanggung kos input pertanian lain yang tinggi selain berdepan cabaran tanaman padi diserang penyakit.

“Kami memang terkesan dengan situasi ini dan berharap perkara ini dapat diselesaikan segera,” katanya.

Arshad Otoh, 65, berkata, pesawah buntu memikirkan masalah pemotongan itu kerana kebanyakan mereka bergantung kepada sektor itu untuk menjalini kehidupan terutama ketika berdepan pandemik Covid-19.

Katanya, hasil pengeluaran padi tentunya berkurangan apabila lagi jika pesawah mengusahakan bendang di kawasan lebih kecil.

“Pemotongan pemutuan padi



Muslimin (kanan) meninjau proses penualan padi di Kampung Paif, 11 Pasir Panjang di sini semalam.

tus,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar, Muslimin Yahaya berkata, perkara itu sudah diajukan kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kian-tee untuk tindakan lanjut.

“Saya sendiri sudah menghantar WhatsApp kepada menteri mengenai perkara ini,” katanya.


Muslimin yang juga Timbal-

an Menteri Pendidikan I berkata, pihaknya bersimpati dengan nasib dialami pesawah di kawasan itu.

“Pemutuan padi sebelum ini hanya 20 peratus dan terkini naik sehingga 25 peratus hingga merosahkan pesawah.

“Kita berharap pengilang dapat menyelaraskan pemutuan padi di semua kawasan kepada 20 peratus seperti sebelumnya,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2020	KOSMO	NEGARA	18



ABDUL RAHMAN menunjukkan nanas MD2 yang diusahakannya di Kampung Parit Panjang, Pontian.

Rezeki melimpah tanam nanas

Oleh **MUHAMMAD ZIKRI**

PONTIAN – Industri tanaman nanas yang sentiasa berkembang mengikut permintaan dunia memberikan peluang kepada pekebun kecil memilih jenis nanas yang mampu memberikan pulangan yang lumayan.

Salah satu pilihan ialah Nanas MD2 yang diakui paling popular sama seperti Musang King dalam kumpulan durian.

Bagi seorang pekebun kecil, Abdul Rahman Amat, 54, beliau memulakan usaha menanam nanas MD2 lima tahun lalu di atas tanah seluas 0.8 hektar se-

lepas berhenti dari sebuah kilang di Johor Bahru.

Katanya, cabaran pada ketika itu ialah untuk mendapatkan anak benih MD2 walaupun harganya agak mahal.

“Pada awalnya, saya hanya menanam 80 pokok nanas MD2 sebelum ditambah kepada 2,000 pokok selepas melihat kepada potensi tanaman tersebut yang ditanam di sekeliling rumah saya,” katanya ketika ditemui di Kampung Parit Panjang Ayer Baloi di sini baru-baru ini.

Tambah Abdul Rahman, beliau menjenamakan kebunnya sebagai ‘Pineapple City’ bagi me-

mudahkan orang ramai terutama pelanggan datang membeli nanas MD2 miliknya.

Katanya, kerja-kerja menjual buah nanas turut dibantu isterinya, Maslinda Mastor, 41.

“Secara puratanya, kami mampu menjual sekitar 100 hingga 200 biji nanas sehari terutama pada hujung minggu dan cuti umum,” katanya.

Menurut Abdul Rahmat, buah nanas MD2 dijual pada harga antara RM2 hingga RM3.50 sekilogram.

“Selain MD2, saya juga menjual nanas jenis lain seperti Josophine dan sebagainya,” katanya.